

## BAB 3 : PERADABAN MELAYU

### 3.1. Pengenalan

Peradaban Melayu mengikut pendapat Hashim Musa, Zainal Abidin Borhan dan Othman Mohd Yatim, ialah sebuah peradaban yang dibentuk oleh sekelompok manusia yang digolongkan secara meluas sebagai kumpulan orang-orang Melayu dan bertempat di suatu wilayah di Asia Tenggara yang dikenali dengan pelbagai nama seperti Gugusan Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*) atau Gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia, Nusantara, Alam Melayu, Tanah Jawi dan sebagainya. Dua elemen yang menjadi faktor utama yang mewarnai wilayah ini sebagai Melayu ialah pertama, bahasa Melayu yang menjadi ‘*Lingua franca*’ atau bahasa perhubungan luas di seluruh kawasan ini, dan kedua, agama Islam yang dianuti oleh majoriti penduduknya. Islam juga disampaikan dengan perantaraan bahasa Melayu dan kitab-kitabnya tertulis di dalam tulisan Jawi. (Buku teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 163)

Apabila kita ingin memperkatakan sesuatu peradaban bangsa, maka kita perlu mengetahui asal bangsa tersebut. Hal ini adalah kerana bangsa itu merupakan titik tolak dan kita dapat mengetahui ruang lingkup perkembangan masyarakat tersebut. Begitu juga dengan Peradaban Melayu, apabila kita ingin membincangkan Peradaban Melayu, maka kita perlu menyusurgaluri asal usul bangsa Melayu.

### 3.2. Konsep Dan Pengertian Melayu

Asal usul orang-orang Melayu, iaitu penutur asli bahasa Melayu, amat kabur kerana sejarah kuno Asia Tenggara masih belum diselidiki dengan mendalam. Walau bagaimanapun, kita dapat mengetahui secara kasar latar belakang dan pergerakan masyarakat Melayu kuno, iaitu nenek moyang orang-orang Melayu. Beberapa teori telah mengatakan bahawa penutur-penutur bahasa Melayu berasal daripada golongan manusia yang diberi nama Austronesia. Mereka datang dari daerah Yunan dan telah turun, dalam bentuk beberapa gelombang pergerakan manusia dan menduduki wilayah Asia Tenggara. Ini berlaku sejak tahun 2500 sebelum masihi, iaitu dengan kedatangan golongan pertama yang disebut Melayu proto. Kemudian, kira-kira dalam tahun 1500 sebelum masihi, datang pula gelombang yang kedua, golongan yang disebut Melayu Deutro. Mereka ini telah menduduki daerah pantai dan tanah lembah di Asia Tenggara dan telah memperlihatkan kepandaian belseyar dan bercucuk tanam. (Nik Safiah Karim, *et al*, 1996 : 3)

Alam Melayu sebelum kehadiran bangsa yang dikenali sebagai Melayu dikatakan dihuni oleh orang Veda kira-kira 5000 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, sekitar tahun 3000 – 2500 sebelum masihi orang Veda telah didesak oleh kedatangan gelombang pertama orang Melayu Proto yang dikatakan berasal dari Yunan iaitu sebuah daerah di China. Mereka membawa kebudayaan neolitik dan tinggal di kawasan-kawasan pinggir sungai dan laut kerana mudah mendapatkan makanan dan keperluan asas. (Azhar Hj. Mad Aros, *et al*, 2000 : 251)


Pendapat ini juga disokong oleh Profesor R. Emerson seorang pengajar dalam bidang Pemerintahan (*Instructor in Government*) di Universiti Harvard yang mengatakan bahawa hal mengenai asal usul bangsa Melayu, masih menjadi rahsia yang belum dapat dipastikan lagi oleh pihak kajimanusia. akan tetapi ada sedikit sebanyak buktinya bagi menyokong pendapat bahawa orang Melayu telah melarikan diri arah selatan disebabkan tekanan daripada suku-suku bangsa Cina, lalu tinggal dihujung-hujung benua Asia. Ini mungkin telah berlaku tatkala bumi semenanjung bercantum dengan Sumatera, Jawa dan Borneo. Orang-orang Melayu adalah dianggap bukan penduduk semenanjung yang awal sekali dengan alasan bahawa adanya saki baki orang primitif. Apabila orang Melayu yang kebudayaan dan kuasanya lebih kuat daripada orang primitif dan datang ke semenanjung maka orang primitif pun melarikan diri ke dalam hutan dan ke gunung-gunung. Mereka amat berpegang teguh kepada cara hidup mereka dan sentiasa berpindah-randah . Orang primitif yang telah memeluk agama Islam hidup mengikut cara hidup orang Melayu, bertutur dalam bahasa Melayu serta menurut kebudayaan Melayu juga. Kesudahannya mereka langsung dikirakan sebagai orang Melayu. (Rupert Emerson, 1993 : 15)

Menurut pandangan Hashim Musa, Zainal Abidin Borhan, Othman Mohd Yatim, Istilah Melayu boleh ditakrifkan berdasarkan rumpun bangsa dan bahasanya iaitu Melayu tergolong di dalam cabang Melayu-Indonesia yang mengelompokkan bersama-sama suku Jawa, Sunda, Madura, Acheh, Minangkabau, Sasak, Melanau, Iban, Bajau, Murut, Bugis, Sulu dan sebagainya. Cabang Melayu-Indonesia terangkum pula di dalam rumpun bahasa Austronesia

daripada keluarga bahasa sumbernya iaitu keluarga bahasa Austris iaitu seperti berikut :

Rajah 1

### KELUARGA BAHASA ASTRIS



(Buku teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 163 – 164)

Menurut Syed Hussin Ali, Melayu didefinisikan sebagai penduduk asal rantau ini, berkulit sawo-matang dan putih kuning terdiri dari suku-suku Melayu mengikut negeri di Malaysia, Melayu Brunei, Melayu Johor-Riau, Melayu-Borneo, Bugis, Jawa, Mingkabau, Acheh, Mendailing, Rawa dan lai-lain lagi. Kedatangan penjajah barat telah membahagikan sempadan politik Kepulauan Melayu sehingga Tanah Melayu terpisah daripada Indonesia dan Filipina. (Baharudin Ali Masrom, 1993 : 5)

Menurut Nik Safiah Karim dengan ungkapan “Melayu” digunakan untuk kawasan yang lebih luas iaitu seluruh kepulauan Melayu, termasuk Thailand Selatan hingga ke Madagaskar di Lautan Hindi. Turut terangkum ialah kelompok-kelompok masyarakat yang nenek moyangnya berasal dari kawasan-kawasan di

luar Alam Melayu. misalnya orang Melayu Sri Langka, orang Melayu di Afrika Selatan dan Orang Melayu di Surinam. (Nik Safiah Karim, 2000 : 95)

Menurut Perlembagaan Persekutuan "Melayu" ditakrifkan sebagai "Seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya bertutur Bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat dan adat resam Melayu" (Perkara 160. fasal 2).

Pada zaman lampau, sesiapa sahaja yang menduduki Tanah Melayu dan beragama Islam dipanggil Melayu. Malah orang Arab yang menetap di Tanah Melayu dipanggil Melayu. orang India yang menetap di Tanah Melayu dipanggil Melayu, orang Cina yang menetap di Tanah Melayu dipanggil Melayu. Itulah hasilnya apabila bangsa asing memeluk agama Islam dan digelar sebagai 'masuk Melayu'. Ini belum lagi termasuk bangsa yang sememangnya berasal dari rantau ini. Bugis, Jawa, Minangkabau, Mendailing dan Kerinci, semuanya Melayu, dan tiada siapa mempertikaikannya. Oleh itu tidak hairanlah jika wujudnya Melayu-Siam, Melayu-Singapura, Melayu-Indonesia, Melayu-Brunei, Melayu-Filipina, Melayu-Champa, Melayu-Srilangka, Melayu-Madagaskar. (Baharudin Ali Masrom, 1993 : 7)

Peradaban Melayu terjadi akibat pertemuan beberapa bangsa di alam Kepulauan Melayu ini sehingga terbentuk satu identiti yang tetap. Daripada pertemuan ini Peradaban Melayu tercipta dan mempunyai fokusnya di Alam Melayu atau lebih dikenali sebagai Kepulauan Melayu.

Jadual 1

**RUMPUN BANGSA MELAYU - CABANG MELAYU-INDONESIA**

KAUM	LATAR BELAKANG
Orang Jawa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penghijrahan beramai-ramai akibat daripada dasar transmigrasi Belanda, iaitu perpindahan penduduk daripada Pulau Jawa</li> <li>Kebanyakan mereka terdiri daripada pekerja di ladang-ladang kopi, getah dan di kawasan tanah yang baru di buka. Dianggarkan pada tahun 1930 terdapat 170,000 orang Jawa di Singapura.</li> <li>Di Tanah Melayu kebanyakannya orang Jawa terdapat di Johor (Muar, Batu Pahat dan Pontian), Selangor (Kelang, Kuala Selangor, Kuala Langat), dan Perak (Hilir Perak, Kerian, Parit Buntar)</li> </ul>
Orang Banjar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Orang Banjar berasal daripada daerah Banjarmasin, Kalimantan</li> <li>Kebanyakan mereka melibatkan diri dalam perusahaan tanaman padi</li> <li>Pada tahun 1931 bilangan penduduk Banjar di Tanah Melayu ialah 45,382 orang.</li> <li>Kebanyakan orang Banjar mendiami kawasan pinggir pantai dan lembah-lembah sungai seperti di Kerian, Parit Buntar (Perak), Sabak Bernam (Selangor) dan Batu Pahat (Johor).</li> </ul>
Orang Bugis	<ul style="list-style-type: none"> <li>Orang Bugis berasal dari Pulau Sulawesi.</li> <li>Mereka merupakan golongan peniaga dan di Tanah Melayu mereka ramai menetap di Perak, Selangor, Pahang dan Johor.</li> <li>Di Johor kebanyakannya orang Bugis tinggal di kawasan Benut, Kukup dan Rengit (daerah Batu Pahat), sementara di Selangor kebanyakannya terdapat di Lembah Langat. Di Perak orang Bugis merupakan golongan pedagang.</li> </ul>
Orang Boyan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Orang Boyan adalah berasal daripada Pulau Boyan.</li> <li>Kebanyakan mereka berhijrah di Singapura, Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.</li> <li>Mereka tertumpu di bandar-bandar besar kerana mereka mempunyai keahlian di dalam memelihara kuda lumba</li> </ul>
Orang Minangkabau	<ul style="list-style-type: none"> <li>Orang Minangkabau adalah berasal dari Sumatra.</li> <li>Di Tanah Melayu tumpuan mereka adalah di Negeri Sembilan dan Melaka di mana mereka dikenali sebagai pengamal Adat Perpatih.</li> <li>Kebanyakan mereka terlibat dalam perniagaan dan pertanian.</li> </ul>

(Nazaruddin Haji Mohd Jali, et. al., 2001 : 199)

### **3.3. Konsep Dan Kekuatan Peradaban Melayu**

Konsep Peradaban Melayu boleh dilihat dalam tiga demensi ruang berdasarkan gagasan Tan Sri Prof. Ismail Hussein dan Prof. Dato' Wan Hashim Wan Teh iaitu :

1. Dunia Melayu inti yang hampir seluruh anggotanya beragama Islam.
2. Dunia berbahasa Melayu yang merangkumi pelbagai negara, pelbagai etnik dan agama yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama.
3. Dunia Melayu-Polinesia yang mempunyai keturunan rumpun bangsa dan bahasa induk yang sama yang merentasi Lautan Hindi ke Pulau Malagasi (Madagascar) sehingga ke Lautan Pasifik merangkumi pulau-pulau Polinesia, Hawaii, Mikronesia dan ke utara sehinggalah ke Pulau Taiwan.

(Hashim Musa, 2001 : 22)

Bagi Laurent Metzger mengatakan bahawa kekuatan orang Melayu ialah bahasa Melayu. Bahasa Melayu bukan sahaja penting dalam sejarah, akan tetapi ia merupakan salah satu bahasa yang amat menarik dari segi perkembangan dan penggunaannya. Dalam sejarah, kita semua sedar bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan di Asia Tenggara. Jika kita membaca buku-buku yang ditulis mengenai lawatan orang-orang Eropah bukan

sahaja ke dunia Melayu tetapi juga ke pelabuhan-pelabuhan Vietnam misalnya, kita dapati bahawa bahasa Melayu digunakan pada abad ke 18 dan 19 ialah bahasa Melayu. Dengan kata lain, dirantau ini, bahasa Melayu memainkan peranan penting seperti mana bahasa Inggeris pada masa ini. (Laurent Metzger, 1994 : 159)

Menurut Harun Mat Piah menyatakan bahawa bangsa-bangsa peribumi yang terangkum dalam etnik Melayu dan berbahasa Melayu berjumlah sekitar 200 juta orang. Bahasa Melayu pula adalah satu daripada tujuh bahasa yang paling ramai penuturnya di dunia. (Harun Mat Piah, 1993 : 418)

Prof. Dr. Hashim Musa pula berpendapat bahawa Peradaban Melayu berkembang dengan adanya tiga faktor kekuatan iaitu :

1. Konsep Melayu sebagai entiti budaya (*cultural entity*) bukan entiti etnik, kaum, bangsa dan negara yang boleh merangkumi pelbagai etnik, suku bangsa dan keturunan (India, Arab, Cina, Afrika, Cham, Jawa, Batak, Melanau, Meranau, Bugis, Banjar, Kaukasian dan lain-lain) asalkan semua itu tercerna dan terjelma di dalam tiga ciri teras Melayu (dengan itu telah masuk Melayu) iaitu berbahasa Melayu, beragama Islam dan beradat resam serta berbudaya Melayu (halus budi bahasa dan budi pekerti ; sentiasa bermuafakat dan mengutamakan kebajikan ramai ; hormat dan berkhidmat kepada orang tua dan tetamu ; sederhana bukan ekstremis ; tidak kasar, militan dan ganas), ini menjadikan Melayu amat terbuka dan global.

2. Kedinamikan budaya Melayu ; sejarah peradaban Melayu telah membuktikan dengan jelas betapa dinamik budaya Melayu yang terletak di persimpangan jalan Timur dan Barat yang selama ribuan tahun sentiasa secara terbuka, proaktif dan mampu menyerap dan mengadaptasikan unsur-unsur positif dari luar demi pembangunan dan pengukuhannya, iaitu dari segi pendidikan, ilmu pengetahuan, teknologi dan peralatan yang menjadikan Melayu satu kabilah dunia yang global dan metropolitan.
3. Kekuatan agama Islam anutannya ; bahawa Melayu ditakdirkan oleh Allah s.w.t. sebagai penganut agama Islam yang suci murni, benar dan kuat, yang diredhai Allah dan dijanjikan keselamatan dan kesejahteraan yang mutlak di dunia dan akhirat, yang juga telah menjalinkan kelompok Melayu dengan pan-Islamisme sejagat dan menjadikan mereka pendakwah Islam secara global. Dengan menghayati al-Din al-Islam sepenuhnya ( iman, ibadat, akhlak, ihsan, mu'amalat, mu'asyarat, munakahat ) orang Melayu akan sentiasa berhubungan dengan kekuatan Ilahi yang ulung dan agung iaitu Tuhan Pencipta, Pengatur dan Pentadbir seluruh alam dan makhluk secara mutlak dan hak.

( Hashim Haji Musa, 2002 : 3 – 4 )

Pencapaian peradaban Melayu terjelma hasil dari hubungan kebudayaan Islam. Orang Arab dari zaman pra Islam lagi telah mengadakan hubungan perdagangan dengan negeri-negeri di Asia dan Timur jauh. Setelah memeluk Islam, saudagar-saudagar dan pendakwah Arab dari Asia Barat telah menerapkan kebudayaan Islam ke dalam kebudayaan Melayu. Di sini dapatlah dikatakan bahawa peradaban Melayu adalah pancaran peradaban Islam dari Asia Barat dan peradaban Islam itu sendiri telah mencapai kedudukan yang gemilang jauh terdahulu daripada peradaban Eropah Moden. Kesan kedatangan Islam itu amat menyeluruh dan mendalam. Dalam masa yang singkat kerajaan-kerajaan Melayu dan Jawa-Hindu di seluruh Alam Melayu roboh berkecaci diganti oleh kerajaan-kerajaan Islam. (Harun Mat Piah, 1993 : 420)

Secara umumnya, pada pendapat Hashim Musa, Zainal Abidin Borhan dan Othman Mohd Yatim, pusat-pusat peradaban Melayu menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi dan ini secara langsung meletakkan peradaban Melayu di dalam jaringan peradaban Islam global yang berhubungan dengan kerajaan Uthmaniah Turki, Safawiyah Parsi, Mughal India dan kerajaan-kerajaan Islam di Timur Tengah dan Afrika. Walaupun terletak di dalam lingkungan jaringan peradaban Islam global, peradaban Melayu dari sudut kebudayaan ternyata terus berkembang subur dan bersifat dinamik dengan menyerapkan unsur-unsur tempatan selagi ia tidak bercanggah dengan akidah dan syariat Islam yang berteraskan Tauhid atau mengesakan Allah s.w.t. (Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 169)

## Jadual 2

### **NAIK TURUN PERADABAN MELAYU-ISLAM DI ALAM MELAYU**

Sultan Perlak I Syed Maulana A. Aziz Syah (Syi'ah)	840
Sultan Perlak Sultan Mukhdum Alauddin Malik Abdul Qadir Shah Johan Berdaulat (Sunni)	928
Makhdun Malik Ibrahim Syah Johan Berdaulat menjadi raja di Samudra Pasai	976
Syeikh 'Abdullah 'Arif pengarang Bahr al-Lahut tiba di Pasai	1165
Merah Silau Pasai diislamkan (Malik ai-Saleh) Oleh Syeikh Ismail al-Siddiq dari Mekah yang memperkenalkan Mazhab Syafi'i	1261
Batu Bersurat Terengganu ditulis	1303
Malik al-Zahir puncak kegemilangan Pasai	1326
Ibn Batutah singgah di Pasai	1345
Syarif Abu Bakar menjadi Sultan Sulu Pertama	1405
Muhammad Syah (Awang Alak Betatar) Sultan Brunei	1408
Raja Melaka diislamkan (Sultan Muhammad Syah)	1414
Malik Ibrahim membuka Grisek di Jawa Timur	1419
Raden patah membentuk kerajaan Demak	1450
S. Muzaffar Syah puncak kegemilangan Melaka	1459
Raden Rahmat mendirikan masjid Grisek	1479
Zainal Abidin menjadi Sultan Ternate I	1486
Paya Tanuqpa Raja Patani diislamkan (Sultan Ismail Shah)	1500
S. Ali Mughyat Syah menjadi Sultan Aceh	1507
Kerajaan Islam Melaka ditawan oleh Portugis	1511
Kerajaan Hindu Majapahit dikalahkan Demak (Islam)	1514
Syarif Kebongsuan menubuhkan kerajaan Mindanao	1515
Megallen sampai di timur Kepulauan Melayu	1521
Kerajaan Islam Surabaya ditubuhkan	1525
Kerajaan Bantan diislamkan oleh Syarif Hidayatullah	1527
Sunda Kelapa (Jayakarta/Jakarta) diislamkan Oleh Syarif Hidayatullah	1529
Sultan Alauddin Ri'ayat Shah Sultan Johor I	1570
Kuasa Sepanyol menakluki Manila menjadikannya ibu negeri tanah jajahan barunya iaitu Phillipina	1572
Miguel Lopez bertapak di Cebu, Mindanao, Luzon, dan lain-lain	1578
Sepanyol menyerang dan menawan Jolo dari Kesultanan Sulu Sultan Aluddin Ri'ayat Syah sultan Aceh	1588
Hamzah Fansuri berkarya di Aceh (sekitar)	1600
Penubuhan V.O.C di Amsterdan oleh pemodal Belanda Untuk menjalankan perdagangan / penguasaan di Timur.	1602
Henry Middleton tiba di Aceh mewakili Q Elizabeth 1	1602
Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam menjadi Sultan Aceh...	1607

Pieter Both Governor I bagi V.D.C. menjadikan Jakarta Pusat dagangan Belanda pertama di Alam Melayu	1610
Sultan Agong Mataram menguasai Jawa Timur	1613
Inggeris membina pusat dagangannya di Jakarta	1615
Aceh melanggar Portugis di Melaka tetapi gagal	1619,1624
Belanda menawan Jakarta menamakannya Batavia dan memulakan kegiatan penjajahan di Alam Melayu..	1619
Sultan Agong Mataram melanggar Belanda di Jakarta tetapi Ditewaskan Belanda	1628
Syamsuddin al-Sumatra'i Syeikh ai-Islam di Aceh (men.)	1630
Siam melanggar Patani tetapi gagal menaklukinya	1634
Nuruddin al-Raniri tiba di Aceh	1637
Belanda bersekutu dengan Johor mengalahkan Portugis di Melaka dan Melaka dikuasai Belanda	1641
Sultan Hasanuddin menjadi sultan di Makassar	1653
Ibrahim Syah I (keturunan Pahang) menjadi sultan Johor, Riau dan Pahang	1673
Abdul Ra'uf al-Sinkeli Syeikh ai-Islam Aceh (men.)	1693
Bendahara Abdul Jalil menjadi Sultan Johor	1699
Daeng Merewa menjadi Yang Dipertuan Muda Riau I	1721
Sultan Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu pertama.	1722
Tengku Muhammad Jiwa menjadi sultan Kedah	1741
S. Iskandar menjadi Raja Perak, zaman kemuncak Perak.	1752
Raja Haji Yang Dipertuan Muda Riau menyerang Belanda di Melaka, tetapi gagal dan Baginda terbunuh	1784
Francis Light menduduki P. Pinang secara gadaian daripada Sultan Kedah dan membina George Town	1786
Siam menakluki Patani dan menjadikannya wilayah naungannya sehingga kini	1786
British menyerang Kedah dan mengambil terus P. Pinang.	1791
Pulau Penyengat diserahkan kepada Bugis oleh S. Johor, berkembang menjadi pusat kebudayaan Melayu Islam	1805
Sultan Mahmud Johor mangkat, Bugis mengangkat Raja Abdul Rahman sebagai sultan manakala Temenggung dan Raffles melantik Raja Husin sebagai sultan	1812
Raffles membina gedung perdagangan di Singapura Melalui perjanjian dengan Temenggung Johor	1819
S. Husin dan Temenggung Johor melepaskan kuasa ke alas Singapura kepada British dengan pampasan tahunan yang mengakhiri kuasa perdagangan entrepot Melayu di Alam Melayu	1823
Perjanjian British Belanda memisahkan sempadan kuasa.	1824
British membentuk Negeri-Negeri Selat (P. Pinang, Melaka, Singapura) di bawah Governor-General di India	1826
Pemberontakan Dol Said Naning terhadap British di Melaka	1831
Temenggong Ibrahim menjadi pemerintah Johor	1841
Abdullah Munsyi selesai menu lis Hikayat Abdullah	1843
Raja Ali Haji Riau menulis Bustan al-Katibin	1850

Raja Ali Haji selesai menulis Kitab Pengetahuan Bahasa..	1858
Abu Bakar anak Temenggong Ibrahim menjadi Sultan Johor	1861
Dr. Jose Rizal menggerakkan reformasi rakyat Filipina	1861-96
Raja Ali Haji selesai menulis Tuhfat al-Nafis	1865
Perjanjian Pangkor menandakan kemasukan kuasa British Ke Negeri-negeri Melayu	1874
J. W. Birch Residen Pertama Perak dibunuh	1875
Akhbar Jawi Peranakan diterbitkan	1876
Sepanyol mengalahkan S. Sulu dan menakluki wilayahnya	1878
Sekolah Inggeris King Edward VII Taiping didirikan, memulakan sistem persekolahan sekular Inggeris di negeri Melayu	1883
Sekolah Inggris Clifford didirikan di K. Kangsar	1889
Datuk Bahaman memberontak terhadap British di Pahang	1891
Gerakan kemerdekaan Kutipunan dipelopori Bonifacio dan Rizal tetapi dipatahkan oleh Sepanyol	1892
Persekutuan Rusydiyyah dibentuk oleh Bangsawan Riau.	1892
Percetakan Matba'ah al-Riauwiyyah ditubuhkan di Riau	1894
Victoria Institution didirikan di K. Lumpur	1894
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dibentuk beribu negeri di K. Lumpur di bawah Residen-General melunturkan kuasa Raja Melayu di Selangor, Perak, N. Sembilan, Pahang	1896
Rizal dihukum bunuh oleh Sepanyol membangkitkan pemberontakan popular rakyat Filipina	1896
Ejaan Rumi van Ophuijsen digunakan di Indonesia	1897
Peperangan Sepanyol-Amerika, Filipina ditakluki Amerika	1898
Aguinaldo diisyiharkan Presiden Kerajaan Revolusi Filipina yang melancarkan perang gerila terhadap kuasa Amerika	1899
Raden Adjeng Kartini mencadangkan pendidikan untuk wanita Indonesia	1900
Pembentukan Ejaan Rumi Wilkinson di negeri Melayu	1904
Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) didirikan	1905
Penubuhan Budi Utomo di Indonesia	1908
Perjanjian Bangkok, Patani kekal di bawah Siam, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis di kuasai British	1909
Federal Council dibentuk diketuai High Commisioner melemahkan negeri-negeri Melayu dan mengukuhkan keraajaan pusat	1909
Pondok Tok Kenali Kelantan ditubuhkan	1910
Serekat Islam ditubuhkan membangkitkan semangat Islam di Indonesia cetusan dari Sumatra berpunca dari Mesir	1912
Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan didirikan	1915
Perhimpunan pertama Serekat Islam seluruh Indonesia, menuntut pemerintahan sendiri dalam persatuan kuasa Belanda	1917
Madrasah al-Masyhor P. Pinang didirikan S. Syeikh al-Hadi	1919
SITC didirikan menggabungkan Maktab Melayu Melaka (1900) dan Maktab	1922

Melayu Matang (1913) melahirkan guru dan barisan nasionalis Melayu prazaman kuasa Jepun	
Biro Terjemahan dipindahkan ke SITC memesatkannya Majalah Guru diterbitkan di SITC	1924
Jelutung Press didirikan di P. Pinang oleh S. Syeikh al-Hadi.	1924
PNI (Perserikatan Nasional Indonesia) ditubuhkan pimpinan Sukarno memperjuangkan revolusi nasional Indonesia	1927
Sumpah Pemuda di Kongres Pemuda Indonesia mengakui Satu Nusa, Satu Bangsa, satu Bahasa: Indonesia	1928
Kesatuan Muda Melayu (KMM) dibentuk oleh intilgentia berpendidikan Melayu menjadi asas politik redikal Melayu	1938
Pengisytiharan Malayan Union setelah MacMichael mendapatkan tandatangan para Sultan menyatukan SS, FMS dan UMS	1946
Kongres Melayu Semalaya di J. Baharu oleh 200 pertubuhan Melayu menentang Malayan Union, tertubuhnya UMNO di bawah pimpinan Dato Onn Ja'sar	1946
Malayan Union dimansuhkan dan Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan yang mengekalkan kedudukan para Sultan, negeri-negeri Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu dan kewarganegaraan diketatkan, seorang Pesuruhjaya Tinggi British dilantik bukan Governor (seperti dalam cadangan Malayan Union)	1948
Laporan-laporan Barnes	1951
Pesuruhjaya Tinggi British Gerald Templer berusaha memberi kuasa kepada pemimpin tempatan dengan mengadakan Pilihanraya kuasa tempatan di Kuala Lumpur yang menyatukan UMNO Selangor dengan MCA	1952
Pilihanraya Umum pertama Per. Tanah Melayu dimenangi Parti Perikatan sebanyak 51 kerusi daripada 52. Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri P.T.M.	1955
Parti Pas terbentuk dan keluar dari UMNO untuk bertanding dalam Pilihanraya Pertama dan memenangi satu kursi	1955
Laporan Razak	1956
Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan	1956
Reid Commission membentuk Perlembagaan P. T.M. memberi kewarganegaraan melalui syarat kelahiran, mastautin dan sumpah taat setia, sambil memberi kedudukan istimewa Melayu sebagai penduduk asli pada 1955 dan diterima Majlis Legislatif P.T.M	1957
Kemerdekaan P.T.M., Tk. Abdul Rahman Perdana Menteri I	1957

(Hashim Haji Musa, 2001 : 65-69)

### **3.4. Pandangan Semesta Peradaban Melayu**

#### **3.4.1. Definisi Pandangan Semesta**

Membincangkan pemikiran dan ‘*world view*’ orang Melayu bukan satu perkara yang mudah. Banyak pendekatan telah diambil oleh pemikir dunia untuk mengupas intipati pemikiran dan alam rationaliti sesuatu masyarakat yang menganggotai budaya tertentu. Banyak pula bidang ilmu yang dijadikan landasan perdebatan mengenai falsafah hidup masyarakat dan budayanya.

Pandangan semesta alam boleh disama ertikan dengan kosmologi iaitu satu bidang ilmu tentang alam semesta. Ilmu ini menumpukan perhatian kepada persoalan tentang asal usul kewujudan alam semesta, elemen-elemen yang terkandung di dalamnya, hubungan antara elemen-elemen tersebut, dan pelbagai perkara lain yang secara langsung atau secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan alam semesta. Ini termasuk tafsiran, pengucapan, penghayatan, perlambangan dan manifestasi kosmologikal dalam masyarakat dan budaya. (Yaacob Harun, 2001 : i)

Pandangan semesta alam atau ‘*world view*’ ataupun kosmologi melibatkan pengertian bagaimana sesuatu masyarakat sebagai anggota budaya memperlihatkan ‘self’ atau diri sendiri. Dalam kata lain, diskripsi mengenai budaya dalam konteks keseluruhan kejadian dalam masyarakat adalah diskripsi yang tebal seperti ‘*thick description*’ saranan Geertz. (Yaacob Harun, 2001 : 346)

Pada pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas pula, beliau menghuraikan pandangan semesta Islam dalam kesimpulan berikut :

“Pandangan semesta Islam merangkumi alam dunia dan alam akhirat (aspek dunia merupakan persediaan bagi aspek akhirat yang muktamad dan terakhir) iaitu pandangan tentang realiti (hakikat) dan kebenaran (hak) yang terjelma kepada mata hati kita mengenai seluruh realiti kewujudan kerana keseluruhan kewujudan demikianlah yang dikemukakan oleh Islam.” (Hashim Hj. Musa, 2004 : 4 )

Menurut Prof. Dr. Hairudin Harun menyatakan bahawa pandangan semesta ialah kerangka pemikiran atau sistem kepercayaan yang boleh difahami dalam konteks bidang falsafah sebagai ‘*weltanschauung*’. Hakikatnya dalam setiap masyarakat wujudnya *weltanschauung* yang seragam, dominan dan berketrampilan dari yang lain. *Weltanschauung* ini menjadi dominan mungkin disebabkan ia dianuti oleh warga majoriti atau mungkin pula ia dianuti oleh segelintir elitis yang berkuasa dan oleh itu berkemampuan untuk mencorakkan masyarakat atau menentukan arus utama sesuatu agenda intelektual. (Yaacob Harun, 2001 : 492-493)


Menurut pendapat seorang sarjana Barat, Albert Schweitzer, pandangan semesta bolehlah ditafsirkan sebagai:

*“The sum total of the thoughts which the community or the individual think about the nature and purpose of the universe and about the place and destiny of mankind within the world.”*  
(Schweitzer, 1995 : vi)

Secara umumnya, ia merupakan satu konsep mengenai alam semesta secara keseluruhan terutamanya dilihat melalui satu sudut pandangan yang dipengaruhi oleh satu sistem nilai yang tertentu.

Kesimpulannya pandangan semesta ialah pandangan sesuatu masyarakat berdasarkan budaya, adat resam, kepercayaan dan pengaruh persekitaran atau pengaruh luar yang meresap ke dalam kebudayaan masyarakat Melayu.

Peta 3



PENYEBARAN ISLAM DI ASIA TENGGARA  
(Ranjit Singh Malhi, 1993 : 36)

### 3.4.2. Evolusi Pandangan Semesta Masyarakat Melayu

Evolusi pandangan semesta masyarakat Melayu secara umumnya boleh dilihat melalui dua dimensi yang utama iaitu **zaman pra-Islam** dan juga setelah kedatangan Islam. Namun semasa zaman pra-Islam pula terbahagi kepada dua peringkat yang utama iaitu

- i) Sebelum kedatangan agama Hindu dan Buddha
- ii) Kedatangan agama Hindu dan Buddha

Sebelum kedatangan agama Hindu dan Buddha dikatakan masyarakat Melayu mempunyai sistem kepercayaan primitif iaitu animisme dan dinamisme yang mempercayai bahawa setiap benda ada jiwa, roh atau semangat yang mempunyai perwatakan sendiri, sama ada dapat membawa kesan baik atau buruk.

Pada mulanya tradisi budaya Melayu dibina berdasarkan kepada pengalaman hidup anggota-anggota masyarakat dalam menyesuaikan diri dengan keperluan dan kepentingan alam sekitar. Dalam jangka masa yang lama proses evolusi yang berlaku dari dalam budaya itu membolehkan tradisi budaya yang mereka warisi itu mantap dan kukuh dalam menentukan penyusunan sosial yang bersesuaian dengan perkembangan masyarakat Melayu sendiri. (Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, 1998 : 82)

Pandangan semesta Melayu berpusat kepada manusia (*man-centred*) bertitik tolak kepada tanggapan mereka terhadap alam (alam nyata dan jahaib) dan kehidupan mereka (sosial dan bukan sosial). Konsepsi adat yang sebenar adalah contoh terbaik dari manusia Melayu sebagai mana tergambar di dalam pepatah ‘adat air membasah, adat api membakar, adat angin menyejukkan’. (Azhar Hj. Mad Aros, et al, 2000 : 273)

Pada pandangan Hashim Musa, Zainal Abidin Borhan dan Othman Mohd Yatim, Roh nenek moyang yang dinamakan “hyang” seerti dengan “poyang”/“moyang” dipercayai masih berada di kalangan mereka dan mempunyai tenaga yang kuat yang boleh mempengaruhi mereka. Oleh itu ia perlu ditenangkan melalui upacara pemujaan dan penyembahan. Pawang, Bomoh dan Dalang merupakan peribadi perantara yang boleh menghubungi “hyang” melalui pembacaan jampi, serapah, penyajian dan sebagainya. (Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 169)

Setelah kedatangan agama Hindu dan Buddha ke alam Melayu, upacara agama menjadi lebih formal dan tersusun. Namun pengaruh itu tidak benar-benar melibatkan keseluruhan ajaran yang terdapat dalam falsafah Hindu-Buddha asli, yang dipentingkan hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan selok-belok upacara agama. Di samping itu, ajaran Hindu-Buddha ini juga membesar-besarkan keagongan dewa-dewa dan ini telah mempengaruhi kepercayaan masyarakat Melayu. (Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 170)

Proses difusi budaya yang berlaku itu tidak membawa perubahan struktur sosial dan tradisi budaya Melayu. Penerimaan unsur-unsur budaya yang dibawa oleh agama Hindu-Buddha hanya merupakan lapisan yang berupa luaran bagi memperkuatkan kedudukan tradisi budaya Melayu. Unsur-unsur budaya India yang dibawa oleh agama Hindu-Buddha itu hanya berpusat di istana, seperti kerajaan Srivijaya dan Majapahit. Unsur-unsur budaya yang diterima dari luar itu disesuaikan dengan tradisi bagi memperkuatkan struktur sosial dan tradisi budaya Melayu yang diwarisi dan dibina sekian lama. (Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, 1998 : 83)

Pandangan semesta yang dipengaruhi oleh agama baru ini juga dapat dikesan melalui karya-karya Melayu tradisional yang bercorak mitos dan lagenda. Ini dipengaruhi daripada ajaran kitab-kitab suci agama Hindu seperti Mahabhrata, Bhagavad Sita dan Baratayudha. Oleh itu aspek-aspek yang dipentingkan ialah kesenian, keindahan, keromantisan, kesedihan, keagongan dan ketakjuban. Aspek-aspek falsafah dan penghujahan yang rasional tidak ditekankan. Ini telah mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu khususnya golongan bangsawan.

Namun kesan daripada aspek-aspek ajaran Hindu seperti sistem kasta (lapisan masyarakat) yang memisahkan antara golongan raja, bangsawan dan rakyat jelata menular masuk ke dalam sistem sosial masyarakat Melayu. Dari sinilah wujudnya sistem ‘feudal’ yang telah diamalkan dalam sistem pantadbiran mana-mana kerajaan peradaban Melayu.

Bermulanya kedatangan Islam selewatnya-lewatnya pada awal abad ke-15, masyarakat Melayu boleh disifatkan sebagai menempuh era baru dengan kedatangan Islam. Islam telah mengubah bentuk kepercayaan dan corak hidup mereka juga pandangan semesta mereka. Kepercayaan kepada dewa dan animisme bertukar kepada kepercayaan kepada Allah dan Rasul-Nya.

Islam diakui oleh ahli-ahli sejarah sebagai pembawa perubahan dan pencetus zaman kegemilangan Melayu dalam sejarah. Berkat penerapan ajaran Islam yang dinamik itu, rantau ini telah mengalami apa yang disifatkan oleh Prof. H. Kern sebagai '*the revolution from within*', revolusi dalaman yang secara drastik telah mengubah identiti, membebaskan akal budi Melayu dari belenggu tahuul mitos, lalu membimbingnya ke dunia nyata bagi membangunkan tradisi ilmu dan tamadun akliah rohaniah yang subur. Fahaman jahiliah dengan anutan pelbagai kepercayaan Animisme, Hinduisme dan Buddhism yang dikatakan lebih mementingkan upacara dan estetika itu tidak membawa sebarang kemajuan dan pembangunan kepada dunia Melayu. Akan tetapi fahaman tauhid yang menjadi paksi ajaran Islam diterima baik oleh orang Melayu. Sesuai dengan sifat ajarannya yang bertepatan dengan fitrah kemanusiaan, Islam telah dipilih sebagai cara hidup orang Melayu. Islamlah pada hakikatnya yang menjadi pentakrif kepada kebangkitan Melayu baru. (Baharudin Ali Masrom, 1993 : 8)

Antara elemen-elemen asas pandangan semesta Peradaban Melayu-Islam ialah :

- i. Kepercayaan kepada Yang Maha Esa, Pencipta, Pentadbir dan Pemelihara Alam Semesta.
- ii. Konsep penghitungan dan pembalasan yang muktamad di akhirat.
- iii. Keyakinan kepada pembalasan yang baik bagi amalan yang baik dan sebaliknya.
- iv. Menghormati maruah dan martabat manusia.
- v. Keadilan, kebebasan dan kesaksamaan.
- vi. Kehidupan yang pertengahan dan seimbang antara jasmani, rohani dan akal.

Ilmuan-ilmuan Islam melihat peradaban Islam sebagai sebuah peradaban yang bebas dari pengaruh asing kerana asas peradaban Islam bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Islam merupakan satu sistem hidup yang lengkap dan melahirkan sebuah peradaban baru yang unggul.

Lantaran itu, masyarakat Melayu menyedari bahawa seluruh hidup mereka terfokus kepada Tuhan (*God-centered*). Oleh itu masyarakat Melayu menyedari dan meyakini bahawa Allah S.W.T. Maha Berkuasa Sebagai kesannya, pandangan semesta Melayu telah dibentuk berdasarkan *habluminallah* (berbuat baik kepada Allah) dan *habluminannas* (berbuat baik kepada manusia).

Kedatangan Islam ke Alam Melayu bukan sahaja menandakan kelahiran zaman baru bahkan permulaan sesuatu zaman moden di rantau ini. Zaman pengaruh peradaban Hindu-Buddha berlalu apabila peradaban Islam berkembang. Islam membawa perubahan menyeluruh dari segi intelektual dan

struktur masyarakat. Walaupun J. C. Van Leur berpendapat bahawa perubahan yang dilahirkan oleh Islam sebagai lanjutan perubahan yang sudah ada. Demikian juga R.O. Winstedt dan Snouck Hungronje melihat Islam secara selayang pandang tanpa menyelami hakikat Islam sebenar. Mereka menyamakan penerimaan Islam oleh penduduk-penduduk Nusantara dengan penerimaan terhadap agama hindu seperti yang digambarkan dalam ungkapan mereka bahawa : 'kedua-dua agama dunia ini, cuma merupakan satu selaputan yang tipis lagi senang ditanggal di atas peradaban tempatan yang tebal.'

(Abdullah Jusuh. 1989 : 122-123)

Namun satu perkara penting yang perlu diambil kira ialah walaupun Islam telah bertapak kuat, ini tidak bermakna kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha berjaya dikikis habis dalam kehidupan masyarakat Melayu. Masih banyak tanda-tanda yang menunjukkan masyarakat Melayu terpengaruh dengan unsur-unsur sebelum kedatangan Islam tanpa merosakkan aqidah mereka.

Jadual 3

**KERAJAAN AWAL DI KEPULAUAN MELAYU**

<b>KERAJAAN</b>	<b>TAHUN</b>	<b>LATAR BELAKANG</b>
Funan	Kurun 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Terletak di Kampuchea sekarang</li> <li>- Dipengaruh agama Hindu</li> <li>- Kampung Sungai Emas (kurun 5 – 10)</li> <li>- Pengkalan Bujang (kurun 10 – 14)</li> </ul>
Langkasuka, Patani	Kurun 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pusat perdagangan penting</li> <li>- Dipengaruhi agama Hindu Buddha</li> <li>- Hikayat Merong Maha Wangsa</li> </ul>
Tun sun, Segenting Kra	Kurun 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pusat perdagangan penting antara India dengan China</li> <li>- Pengaruh Hindu dan India dalam sistem pemerintahan.</li> </ul>
Kedah Tua	Kurun 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sistem pemerintahan beraja</li> <li>- Mempunyai kedudukan strategik</li> <li>- Sebagai pelabuhan entreport yang penting</li> <li>- Dipengaruhi agama Hindu dan Buddha</li> </ul>
Gangga Negara, Perak	Kurun 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelabuhan dan pusat perdagangan</li> </ul>
Chih-Tu, Kelantan	Kurun 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dipengaruhi agama Buddha</li> <li>- Hubungan persahabatan dengan China</li> <li>- Pemerintahan dipengaruhi kebudayaan India</li> </ul>
Tan-Tan, Terengganu	Kurun 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemerintahan dipengaruhi sistem pemerintahan India</li> <li>- Menjalin hubungan dengan China</li> </ul>
Srivijaya, Sumatera	Kurun 7	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pusat perdagangan terkenal</li> <li>- Menjalin hubungan dengan India dan China</li> <li>- Pusat agama Buddha dan bahasa Sanskrit</li> <li>- Mempunyai tanah jajahan yang luas</li> </ul>
Mataram, Jawa	Kurun 8	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pusat pemerintahan</li> <li>- Dipengaruhi agama Hindu</li> </ul>
Majapahit, Jawa	Kurun 13	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai tanah jajahan yang luas</li> <li>- Pusat perdagangan</li> <li>- Mempunyai hubungan dengan China, India dan Timur Tengah.</li> </ul>

(Nazaruddin Haji Mohd Jali, et. al., 2001 : 6 – 7)

### **3.5. Kegemilangan Peradaban Melayu**

Peradaban Melayu pernah berada dikemuncaknya pada suatu ketika dahulu iaitu pada zaman kerajaan Melaka dan Acheh. Kebangkitan peradaban Melayu adalah hasil dari perkembangan peradaban Islam dari Timur Tengah. Namun begitu pengkaji akan membincangkan apakah ciri-ciri peradaban Melayu yang pernah terbilang pada ketika itu

#### **3.5.1. Ciri-ciri Peradaban Melayu**

Peradaban Melayu merupakan satu manifestasi budaya orang Melayu hasil dari evolusi sejarah dan berasaskan ciri-ciri berikut:

- a) Pusat-pusat Peradaban Melayu terletak di tempat yang strategik dan masing-masing mempunyai ibu kota. Contohnya empayar Melaka terletak di tengah-tengah jalan perdagangan antara Timur dan Barat, bandarnya ialah Kota Melaka.
- b) Wujudnya organisasi dan institusi sosial dalam pelbagai bidang (politik, ekonomi, sosialisasi dan pendidikan yang teratur). Contohnya Kerajaan Melaka, Acheh, Srivijaya dan Majapahit.
- c) Wujudnya satu bahasa atau beberapa bahasa serumpun dengan sistem tulisan tersendiri yang menjadi perantaraan komunikasi, penyampaian dan pewarisan khazanah ilmunya. Contohnya bahasa yang digunakan oleh

masyarakat Melayu dan menjadi Lingua-franca di Alam Melayu adalah bahasa Melayu dengan sistem tulisannya sendiri iaitu tulisan Jawi.

- d) Adanya undang-undang, norma dan sistem nilai yang teratur dan berwibawa. Contohnya Undang-undang Laut Melaka. Undang-undang 99 Perak, Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Riau. Undang-undang Terangganu ( Abu Hassan Sham, 1993 : 463 – 467 )
- e) Lahirnya banyak penciptaan sains, teknologi, sastera, pemikiran dan falsafah serta daya kreatif seni yang membolehkan masyarakat itu mengatasi sebahagian besar dari masalah yang berkaitan dengan keamanan, keselamatan, kesejahteraan dan kecekapan menangani penghidupan dalam alam persekitarannya. Contohnya dalam bidang pembuatan kapal, masyarakat Melayu mempunyai kepakaran yang tinggi dalam ilmu ini dan membolehkan mereka belayar untuk menguasai perdagangan dan meluaskan jajahan takluk kerajaan mereka. Dalam bidang sastera pula, pengarang Melayu silam banyak menghasilkan tulisan sastera termasuklah hikayat-hikayat Melayu, pantun, syair, seloka dan puisi.
- f) Hayat penghidupan kerajaan yang stabil dan agak panjang (selama beberapa abad). Pusat peradaban Melayu bertahan selama beberapa abad seperti Kerajaan Srivijaya, Majapahit, Melaka, Aceh, Sulu dan Brunei.

Melalui ciri-ciri inilah peradaban Melayu telah berada dikemuncaknya dan masyarakat Melayu telah membina satu peradaban yang ditunjangi oleh agama Islam sebagai pemangkin menuju kejayaannya.

### **3.6. Pusat-Pusat Peradaban Melayu**

Melayu pernah membina satu peradaban atau tamadun bertaraf dunia pada abad ke-15, 16, 17 dan 18 dengan pusatnya bergerak dari Melaka, Aceh dan Johor Riau sebelum kecundang di tangan penjajah Inggeris dan Belanda. Tamadun Melayu silam ialah tamadun maritim-kosmopolitan . Ia telah membina golongan pedagang maritim Melayu, pentadbir Melayu, cendekiawan Melayu, teknokrat Melayu, pendakwah Melayu Islam dan perwira Melayu yang tinggi daya saing, daya juang, daya tahan dan daya usahanya ; sehingga mampu mewarnai seluruh Alam Melayu ini dengan jolokan nama 'Alam Melayu' atau 'Kepulauan Melayu' (*the Malay World or the Malay Archipelago*) yang merangkumi kira-kira 200 kumpulan masyarakat bahasa yang berbeza-beza di kepulauan Asia Tenggara seperti Jawa, Sunda, Minang, Aceh, Batak, Melanau, Banjar, Bugis dan lain-lain. (Hashim Musa, 2002 : 2)

Kemunculan pusat-pusat Peradaban Melayu kebanyakannya berasaskan dua ciri yang utama iaitu;

- i. Agraria : Definisi Kerajaan Agraria bermaksud kerajaan yang mengamalkan sistem ekonomi berbentuk pertanian. Kedudukan dan penempatan awal masyarakat agraria bermula di lembah-lembah

sungai utama seperti Sungai Jambi dan Lembah Bujang. Aktiviti utama masyarakat agraria mengamalkan pertanian sebagai aktiviti utama terutamanya penanaman padi sawah dan padi huma. Faktor perkembangan terletak di kawasan yang bertanah subur dan berada di dalam iklim tropika yang sesuai untuk penanaman padi yang mencukupi untuk keperluan penduduk .

- ii. Maritim : Kerajaan Maritim bermaksud kerajaan yang mengamalkan sistem ekonomi perdagangan (laut). Penempatan awal masyarakat maritim terletak di pesisir pantai seperti Segenting Kra, Oc-Eo, Sumatera dan Kuala Selingsing. Masyarakat Maritim pula, kegiatan di lautan sebagai aktiviti utama seperti perdagangan dan penangkapan ikan. Terletak di laluan perdagangan antarabangsa terutamanya antara China dan India. Contohnya ialah Oc-Eo di Funan dan Lembah Bujang di Kedah.

Melalui penyebaran Islam secara menyeluruh di Alam Melayu maka muncullah kerajaan-kerajaan Melayu-Islam seperti Perlak-Samudera-Pasai (1480) Kerajaan Islam Acheh (1507) Minangkabau (1500) di Sumatera, Kesultanan Melayu Melaka (1400-1511) Kerajaan Johor-Riau-Lingga (1673) Patani di Selatan Thailad (1500), Brunei (1480), Sambas (1580), Demak (1450) , Bantan (1572), Sunda Kelapa (1527) dan Mataram (1586) di Pulau Jawa, Makassar (1600), Ternate (1490), Sulu (1450) dan Magindanao (1490) di Indonesia Timur. Manakala di Tanah Besar Asia Tenggara, muncul Campa di Indo-China. (Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 166)

### 3.5.1. Kerajaan Perlak - Samudera-Pasai (840-1450 M)

Kerajaan ini merupakan pusat peradaban Melayu-Islam yang terawal. Perlak merupakan kerajaan Melayu-Islam pertama yang ditubuhkan pada tahun 840 dengan rajanya yang pertama, Sultan Syed Maulana Abdul Aziz Syah. Samudera-Pasai pula telah muncul sekitar tahun 1042 sehingga tahun 1450 dengan rajanya yang pertama, Meurah Giri yang menggunakan gelaran Maharaja Mahmud Syah. Pada zaman pemerintahan Sultan al-Mukammil seorang ulama bernama Abdullah Ariff telah sampai dengan membawa kitab *Bahr Lahut* (lautan Ketuhanan) yang membicarakan ilmu tasawuf. Raja pasai bernama Meurah Silau telah dilslamkan dan diberi nama Sultan Malik al-Saleh oleh syeikh Ismail, seorang utusan dari Sharif Makkah. (Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 166)

Perlak terletak di Sumatera Utara dan dikatakan sebagai antara pusat kerajaan Islam yang paling awal di Alam Melayu. Terdapat sumber mengatakan bahawa pada zaman pemerintahan al-Makmum 813-33 Masihi, telah sampai satu rombongan pendakwah seramai 100 orang ke Perlak dengan diketuai oleh nakhoda Khalifah. Terdapat ahli rombongan ini kemudiannya berkahwin dengan masyarakat tempatan. Islam kemudiannya telah menjadi agama turpenting di mana pemerintah Perlak sendiri menganut agama Islam. Kewujudan kerajaan Perlak sebagai pusat Islam telah menjadi asas penting di dalam perkembangan Islam di Alam Melayu keseluruhannya. (Abdullah Ishak, 1992 : 134-137)

Pada tahun 1292 keluarga Marco Polo dalam perjalanan mereka pulang dari China telah melawat Sumatera. ‘Ferlec’, pelabuhan pertama yang mereka singgahi, adalah dikenali sebagai Perlak. Mengikut cerita Marco Polo begitu ramai pedagang-pedagang Islam datang ke Perlak sehingga mereka telah mengislamkan penduduk-penduduk tempatan. (D.G.G. Hall, 1987 : 253)

Terdapat pandangan bahawa kedatangan ulama-ulama ke Samudera-Pasai bukan sahaja merupakan wakil daripada Sharif Makkah tetapi juga bertujuan untuk menukar fahaman penduduk dari aliran Syiah ke aliran Sunnah. Antara pemerintah yang penting ialah Sultan Zainal Abidin yang memerintah antara 1350 – 1394 serta anak perempuannya iaitu Ratu Nihrasiyah Rawangsa Khadiyu antara 1400 – 1428 dan dikatakan sebagai pemerintah yang terakhir. Sepanjang usia pemerintahan Samudera-Pasai ia telah dikenali sebagai pusat Islam yang penting. Samudera-Pasai telah menjadikan sistem pendidikan Islam sangat dipentingkan sebagaimana kewujudan Dayah atau institusi pendidikan Islam seperti Dayah Buki Ce Breek dan Dayah Cot Kola. Dayah ini dipimpin oleh guru-guru agama yang terkenal seperti Muhamad Amin Shah. Kepentingan Pasai sebagai pusat Islam ditambah dengan kepentingan sebagai pusat perdagangan hingga menarik ramai pedagang-pedagang Islam ke Pasai. Selain dalam bidang pendidikan Islam, Pasai telah menunjukkan perkembangan yang sangat penting di dalam bidang intelektual Islam. Tulisan Jawi telah diciptakan oleh sekumpulan masyarakat Islam keturunan Parsi yang telah menetap di bahagian utara Sumatera. Mereka dikatakan berasal dari suku ‘Jawani’ di Parsi dan Barbar. (Azhar Hj. Mad Aros, et al, 2000 : 264)

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas bahawa Pasai pada zaman pemerintahan Malik al-Zahir (sekitar awal abad ke 8 Hijrah / ke 14 Masihi), iaitu cucunda kepada Malik al-Saleh, telah menjadi pusat pengajian Islam yang terawal di kepulauan Melayu. Sesudah tahun 819 Hijrah / 1416 Masihi penduduk-penduduk Aru, Samudera, Pedir dan Lambri yang termasuk dalam tanah Aceh telah memeluk Islam dan Aceh telah mengembangkan pengaruhnya ke kawasan selatan (Hasim Musa, 1994 : 4)

Menurut D.G.E. Hall mengatakan bahawa Ibn Batuta yang singgah dua kali di Samudera sama ada dalam perjalanan pergi dan pulang dari China antara tahun 1345 -1346 masih menceritakan yang sultan Samudera mengikut mazhab Shafii, iaitu mazhab yang dipegang oleh semua penganut Islam di Indonesia sekarang ini. Mengikutnya juga negeri-negeri di sekeliling Samudera masih belum lagi memeluk Islam. Di seberang sungai bandar Samudera dijumpai sebuah batu nisan orang Islam bertarikh 1421. disinilah difikirkan letaknya bandar Pase disebut dalam Sejarah Melayu sebagai Pasai, yang dilawati oleh Diogo Lopes de Sequiera pada tahun 1509. Nyatalah bandar ini ialah pusat penting penyebaran Islam yang pertama di Asia Tenggara. (D.G.G. Hall, 1987 : 255)

Pasai merupakan zaman kegemilangan Kesusasteraan Melayu memandangkan sistem tulisan bahasa Melayu (tulisan Jawi) telah bertindak sebagai medium penyebaran agama dan kesusasteraan Melayu-Islam ketika itu. Ketinggian daya penciptaan yang mencerminkan ketinggian pemikiran bangsa Melayu dapat dikesan melalui penghasilan pelbagai hasil kesusasteraan agama

sebagai medium penyebaran agama dan kesusasteraan Melayu-Islam ketika itu. Ketinggian daya penciptaan yang mencerminkan ketinggian pemikir bangsa Melayu dapat dikesan melalui penghasilan pelbagai hasil kesusasteraan agama seperti Hikayat Nur Muhammad, Hikayat Bulan Berbelah, Hikayat Nabi Bercukur, Hikayat Nabi Wafat dan sebagainya. (Abdullah Ishak, 1992 : 137-141)

Kesimpulannya, Pasai sebagai pusat intelektual Melayu-Islam terus berkembang walaupun Melaka kemudiannya mengambil alih sebagai pusat Tamadun Melayu. Pasai terus menjadi sumber rujukan kepada Melaka khususnya yang berkaitan dengan hal-hal agama Islam. Umpamanya Kitab al-Durr al-Manzum telah dihantar ke Pasai untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atas perintah Sultan Mansur Syah.

### 3.5.2. Kerajaan Melayu Melaka (1400-1511 M)

Sehingga hari ini kalangan sarjana masih terus menerima bahawa Melaka telah dibuka pada tahun 1400. Pembukaan ini telah membawa makna yang besar dari sudut sejarah penubuhan kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu serta menandakan permulaan satu zaman baru dalam aspek keagamaan serta kehidupan masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Pembukaan Melaka dan pertapanan Islam kemudiannya menjadi satu babak penting di dalam sejarah Alam Melayu. (Azhar Hj. Mad Aros, et al, 2000 : 265)

Melaka telah muncul sebagai pusat tamadun Melayu-Islam yang menguasai persisiran Selat Melaka sekitar kurun ke 15 dan awal kurun ke 16.

Melaka telah dibuka sekitar tahun 1400 oleh Parameswara, seorang keturunan raja Srivijaya yang telah berundur dari Palembang apabila ianya diserang oleh kerajaan Jawa. Mula-mula baginda ke Temasik dan kemudian membuka Melaka yang seterusnya menerima Islam di tangan Makhdum Syed Abdul Aziz, seorang mubaligh dari Makkah sekitar 1414. **Melaka mencapai zaman kegemilangannya** pada pertengahan kurun ke 15. menjadi pelabuhan perdagangan berbentuk entrepot antara dunia timur dan barat yang sibuk, juga sebagai pusat penyebaran dan pengajaran agama Islam, dan melalui dasar perluasan kuasa telah berjaya menguasai wilayah-wilayah di persisiran Semenanjung dan juga bahagian timur Sumatera di persisiran Selat Melaka sehingga kejatuhan ibu kotanya di tangan kuasa Portugis pada tahun 1511. (Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 167)

Perkembangan Melaka adalah sangat pesat. Kedudukannya adalah lebih baik dari kedudukan Palembang atau Jambi untuk menguasai segala perkапalan yang melalui Selat Melaka. Oleh itu ia telah mempunyai kuasa perdagangan yang pada satu masa dahulu dipegang oleh Srivijaya. Ia sudahpun menjadi pusat perdagangan, sementara pelabuhan-pelabuhan Sumatera hanya merupakan tempat-tempat pelabuhan untuk mengeksport rempah. Ia menguasai jalan perdagangan rempah dari pulau Maluku ke India. Terdahulu daripada ini perjalanan rempah ini ialah dari Pulau Maluku ke Jawa Timur terpaksa singgah di Melaka sebelum belayar ke India. Parameswara telah memeluk Islam sewaktu umurnya 72 tahun mengikut Tome Pires dengan gelaran Megat Iskandar Shah. (D.G.G. Hall, 1987 : 258)

Melaka muncul sebagai sebuah kuasa atau empayar yang terpenting di Alam Melayu khususnya sebagai pusat penyebaran agama Islam, pusat perdagangan dan pusat perkembangan bahasa Melayu. Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam muncul sebagai pusat agama Islam terpenting di Asia Tenggara menjelang pertengahan abad ke-15. Pemerintah pertama yang memeluk Islam ialah Megat Iskandar Shah manakala Sultan Muzaffar Syah pula telah menjadikan Islam sebagai agama rasmi Kerajaan Melaka. Antara cara-cara penyebaran agama Islam di Melaka ialah melalui perkahwinan, penaklukan wilayah, perdagangan dan kegiatan pendakwah. (Ismail Hamid. 1985 : 179)

Melaka sebagai pusat perdagangan pula, Melaka muncul sebagai pelabuhan entreport antarabangsa yang sibuk dan maju disebabkan oleh kedudukannya yang strategik iaitu terletak di tengah-tengah jalan perdagangan Timur-Barat. Empat orang Syahbandar telah ditugaskan untuk menyediakan kemudahan bagi aktiviti perdagangan dan juga memungut cukai. Dengan erti kata lainnya, Melaka ketika itu telah mempunyai sistem ekonomi yang sistematik dan teratur.

Manakala melalui bahasa Melayu, Melaka mempunyai kaitan yang rapat dengan peranannya sebagai penyebaran agama Islam dan perdagangan bahasa Melayu telah menjadi bahasa pendakwah yang mana ia telah digunakan bagi menyebarkan agama Islam. Bahasa Melayu juga telah menjadi bahasa 'lingua franca' melalui kegiatan perdagangan. Bahasa Melayu telah dituturkan oleh pedagang-pedagang asing untuk berkomunikasi sama ada dengan pihak pemerintah mahupun sesama mereka.

Kesimpulannya, Bahasa Melayu telah mencapai martabat yang tinggi pada zaman Melaka akibat daripada peranan Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat kegiatan perdagangan. Melaka muncul sebagai pusat perkembangan bahasa Melayu yang terulung dan ini jelas mencerminkan ketinggian peradaban masyarakat Melayu pada ketika itu.

### 3.5.3. Kerajaan Aceh (1205 M)

Aceh telah diasaskan pada tahun 1205, yang selepas kejatuhan Melaka telah muncul sebagai pusat terpenting tamadun Melayu Islam dan nadi penyebaran Agama Islam di Kepulauan Melayu dalam abad ke-16 dan ke-17.

Aceh berkembang menjadi negeri Asia yang berkuasa dan yang menentang Portugis untuk mengusai perdagangan di Selat Melaka. Aceh mempunyai kekuatan ketenteraan sehingga menawan pelabuhan-pelabuhan lada hitam di Pasai dan Pedir dan menguasai bahagian Minangkabau yang kaya dengan emas. Aceh memperluaskan wilayah-wilayahnya di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu didorong oleh saingan-saingan politik dan perdagangan dengan Portugis dan Johor. (Gilbert Khoo, 1969 : 1)

Aceh yang menggantikan peranan Melaka terus mengekalkan tradisi ilmu Islam dengan sistem pendidikannya mencapai tahap kecemerlangan. Ia menjadi tumpuan bukan sahaja kepada penduduk Aceh malah penduduk dari seluruh Alam Melayu yang berkeinginan untuk melanjutkan pelajaran dan mendapatkan

ilmu keagamaan. Struktur pengajian Islam di Aceh disusun serapi yang mungkin dan mengandungi tahap-tahap pengajian tertentu iaitu tahap rendah, menengah dan tinggi. (Abdullah Ishak, 1992 : 132)

Selain hubungan politik dan perdagangan Aceh juga dengan cara yang berterusan telah menerima kunjungan para ulama terkemuka dari Tanah Arab dan Gujerat sejak tahun 1570-an yang dengan demikian telah menjadikan Aceh pusat keilmuan Melayu Islam utama di Kepulauan Melayu yang telah melahirkan ulama dan penulis Melayu Islam terulung seperti Hamzah Fanzuri (hidup sekitar akhir abad ke-16), Shamsuddin al-Sumatra'i (meninggal dunia 1625), Nuruddin al-Raniri keturunan Arab-India (berasal dari Randir India tetapi berkarya kebanyakannya dalam bahasa Melayu (meninggal dunia 1644) ), Abdul Ra'uf Singkel al-Fansuri (1592-1693) iaitu penterjemah al-Qur'an sebanyak 30 juzuk yang pertama ke dalam bahasa Melayu yang dinamakan Tarjuman al-Mustafid atau lebih dikenali sebagai Tafsir Baidhawi 1, dan tokoh-tokoh yang lain-lain lagi.

Peranan Aceh sebagai pusat penyebaran dan kegiatan Islam telah menyebabkan ianya di gelar Serambi Makkah, selain peranannya sebagai pusat perdagangan dan kuasa politik orang Melayu-Islam. (Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 167)

### 3.5.4. Kerajaan Patani

Dalam abad ke-18 dan ke-19 Patani pula telah menjadi satu daripada pusat pengajian dan peradaban Melayu Islam yang terkemuka di Kepulauan

Melayu bersama-sama dengan Kepulauan Riau. Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fathani yang dianggarkan oleh W. M. Shaghir Abdullah hidup sekitar tahun 1718-1897 telah memulakan pengajiannya di Patani di bawah ulama dari Patani dan juga dari Timur Tengah dan Yaman sebelum melanjutkan pelajarannya ke Mekah Abdul Samad al- Falimbani (1704-1828) dikatakan mendapat pendidikan awal di Patani sebelum berangkat ke Tanah Arab.

Patani merupakan sebuah pusat Islam yang penting. Kepentingannya bukan sahaja dapat disaksikan melalui kelahiran ulama yang terbilang, tetapi juga dilihat daripada kewujudan sistem pendidikan pondok dan madrasah yang masih kekal sehingga hari ini. Patani yang terletak di selatan Thailand dan sejak berabad-abad yang lalu merupakan sebuah kerajaan Melayu-Islam. Patani telah muncul sebagai pusat pendidikan Islam yang terkenal di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu. Malah sebelum seseorang itu meneruskan pengajiannya ke Makkah atau institusi-institusi pengajian di Timur Tengah, mereka biasanya akan belajar terlebih dahulu di Patani. Patani juga telah menerima gelaran '*an early centre of Islam*' dan '*the cradle of Islam in Southeast Asia*'. (Hasan Madmarn, 1999 : 12)

Kaedah pengajian ilmu-ilmu Islam di Masjid al-Haram Mekah telah diterapkan ke dalam sistem pendidikan pondok di Patani dan juga di tempat-tempat pengajian agama Islam tradisional di seluruh Kepulauan Melayu. Sistem pendidikan pondok di Patani telah tersebar ke tempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu bersama-sama dengan penyebaran para lulusannya seperti di Kelantan, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan dan lain-

lain Kitab-kitab Jawi yang dicetak di Mekah dan Mesir telah digunakan sebagai buku teks dalam sistem pengajian demikian.

Di Patani sendiri sistem pendidikan pondok telah menarik begitu ramai penuntut dari beberapa pelosok Kepulauan Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Kemboja, Sumatra, Jawa, Borneo dan lain-lain lagi. Hasilnya telah muncul di Patani atau hasil daripada pengajian di pondok-pondok Patani, antaranya Syaikh Abdul Qadir Syeikh Muhammad Saman, Syeikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman, Syeikh Muhammad Salleh bin Abdul Rahman, Syeikh Oaud bin Abdullah al-Fathani, Syeikh Mustafa bin Muhammad, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad (Tok Minai), Syeikh Ahmad bin Muhammad Iain al-Fathani, Syeikh Muhammad Saghir bin Ismail Daudi dan lain-lain lagi.

Menurut sesetengah pengkaji bahawa ciri-ciri kebudayaan dan peradaban Melayu yang berasal dari Patani seperti seni muzik, tarian, drama tari, permainan (rebana, kertok, mak yong, tarian ayik, permainan gasing leper, wau bulan), perusahaan logam, tenunan, seni ukir, pakaian tradisi golongan pembesar Melayu, dan lain-lain telah diwarisi oleh ciri-ciri budaya Melayu Kelantan yang seterusnya diresapi ke dalam kebudayaan kebangsaan Malaysia


### 3.7. Kesimpulan

Peradaban Melayu-Islam pernah terbilang pada suatu masa dahulu oleh kerana kedatangan Islam yang membawa kepada kepentingan ilmu pengetahuan yang mentauhidkan Tuhan yang Maha Esa. Kemunculan pusat-

pusat peradaban Islam yang unggul juga adalah berteraskan Islam sebagai pemangkin kepada perkembangan ilmu dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa dalam urusan perdagangan yang menjadikan terkenal seluruh antarabangsa.

Masyarakat Melayu juga telah menerima evolusi semesta alam dari kehidupan yang bersumberkan alam, memusatkan segala-galanya kepada manusia semata-mata dan tidak mempercayai agama kepada kehidupan beragama melalui Hindu-Buddha. Namun berkembangnya Islam telah menjadi paling utama kepada kebangkitan masyarakat Melayu mencipta peradabannya yang tersendiri.

PETA 4



**PUSAT-PUSAT PEMERINTAHAN ISLAM DI ALAM MELAYU SEHINGGA 1800**  
(Hashim Haji Musa, 2001 : xiii)